

Pemberontakan Taiping

Dari Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas.



Jata Kerajaan "Umpama Syurga"



Pertempuran Semasa Pemebrontakan Taiping

Pemberontakan Taiping dinamakan untuk satu pemberontakan besar-besaran dalam tahun-tahun [1850](#) hingga [1864](#). Pemberontakan Taiping dilancarkan oleh rakyat-rakyat miskin [China](#) untuk menggulingkan kerajaan Manchu yang berkuasa melalui [Dinasti Ching](#).

Isi kandungan

[\[sorok\]](#)

- [1 Latar belakang](#)
- [2 Kejayaan awal](#)
- [3 Campur tangan negara Barat dan permulaan kejatuhan pemberontak Taiping](#)

- [4 Kesan](#)
- [5 Rujukan](#)

[\[sunting\]](#)Latar belakang

Rakyat-rakyat miskin China hidup dalam keadaan amat tertekan. Pemerintah Dinasti Ching (berbangsa [Manchu](#) dari keturunan [Mongol](#)) tidak memahami masalah rakyat China yang menanggung derita. Dalam tahun-tahun 1840-an, [China](#) dilanda banjir dan [kahat](#) akibat malapetaka dan bencana yang lain. Pemberontakan dipimpin oleh [Hung Hsiu-ch'üan](#) yang kononnya mempercayai dirinya sebagai adik kepada [Nabi Isa](#), dan diberikan satu wahyu untuk membebaskan negeri [China](#) dari pemerintahan [Manchu](#). [Hung Hsiu-ch'üan](#) menyebarkan ajaran persaudaraan sesama insan, dan harta perkongsian bersama.

Pengikut-pengikut yang berkepercayaan kuat terhadap ajaran-ajaran [Hung Hsiu-ch'üan](#) mengumpulkan satu bala tentera yang cukup berdisiplin berjumlah lebih 1 juta orang lelaki dan wanita. (Ajaran Taiping memberikan layanan setaraf antara lelaki dan wanita).

[\[sunting\]](#)Kejayaan awal

Dalam tahun 1863, pemberontak Taiping berjaya menawan [Nanjing](#), dan menamakan bandar itu sebagai [Tianjing](#) (Ibu Negara Umpama Syurga) tetapi usaha untuk menawan [Beijing](#) membawa kepada kebuntuan. Namun demikian, pergerakan pemberontak menyusuri [Sungai Yangtze](#) (Chang Jiang) mencapai kejayaan cemerlang.

Fahaman [Kristian](#) yang pelik dibawa oleh [Hung Hsiu-ch'üan](#) menyebabkan beliau dipulau dan dicemuh oleh mubaligh-[mubaligh](#) Barat dan juga oleh para sarjana kelas bangsawan. Tanpa sokongan kelas bangsawan, pemberontak Taiping tidak dapat mentadbir wilayah yang ditawan mereka ataupun membuat pembekalan bandar dan kota di bawah penguasaan mereka.

Kepimpinan Taiping juga mula lupa diri dan meninggalkan pegangan asal mereka semasa memulakan perjuangan mereka, dan mula mementingkan kebendaan. Perbalahan merebut kuasa menjadi lumrah di kalangan pemimpin Taiping. [Hung Hsiu-ch'üan](#) kini tidak mempunyai kepemimpinan yang kompeten dan berwibawa.

[\[sunting\]](#)Campur tangan negara Barat dan permulaan kejatuhan pemberontak Taiping

Negara-negara Barat memahami bahawa sekiranya kerajaan China digulingkan, perdagangan mereka dengan China akan terhenti, maka mereka memberikan bantuan. Dalam tahun 1860, percubaan untuk menawan Shanghai ditewaskan oleh pasukan tentera yang diketuai oleh

Amerika Syarikat dan Britain. Shanghai ketika itu adalah pelabuhan besar dan mempunyai kontinjen tentera pelbagai negara termasuk [Jerman](#), [Britain](#), [Amerika Syarikat](#) dan [Perancis](#).

Dalam tahun [1862](#), Nanjing dikepung oleh pasukan tentera China di bawah pimpinan [Zeng Guofan](#). Setelah kepungan selama dua tahun, semasa Pertempuran Nanjing Ketiga dalam tahun [1864](#), lebih dari 100,000 orang pengikut pemberontakan Taiping memilih jalan untuk mati daripada menjadi tawanan perang. Penentangan kecil-kecilan berterusan sehingga tahun [1868](#).

[Hung Hsiu-ch'üan](#) membuat ikrar bahawa Tuhan akan mempertahankan [Tianjing](#). Tetapi apabila pasukan Tentera Imperial menghampiri [Tianjing](#) dalam bulan Jun, [Hung Hsiu-ch'üan](#) memakan [racun](#). Mayatnya dijumpai dalam sebuah pembedug. Anaknya [Hong Tianguifu](#) menggantikannya, tetapi [Hong Tianguifu](#) tidak menunjukkan kesungguhan untuk menegakkan semula kerajaan Taiping dan akhirnya ditewaskan oleh Tentera Imperial.

[\[sunting\]](#) **Kesan**

Pemberontakan Taiping membawa kemusnahan dan kesengsaraan kepada 17 wilayah China dan mengorbankan 20 juta jiwa. Kerajaan Ching mengalami kerugian besar dan tidak lagi berupaya menguasai negeri China dengan berkesan.

[\[sunting\]](#) **Rujukan**

- Jonathan Spence, God's Chinese Son: The Taiping Heavenly Kingdom of Hong Xiuquan (1996) [ISBN 0393038440](#)
- Thomas H. Reilly, The Taiping Heavenly Kingdom: Rebellion and the Blasphemy of Empire (2004) [ISBN 0295984309](#)
- Lindley, Augustus, "Ti-ping Tien-Kwoh: The History of the Ti-Ping Revolution" (1866, reprinted 1970) ASIN: B0006CPGM4
- Hsiu-ch'êng Li, translator, "The Autobiography of the Chung-Wang (Confession of the Loyal Prince)" (reprinted 1970) ASIN: B0006C09XA
- Carr, Caleb, "The Devil Soldier : The American Soldier of Fortune Who Became a God in China" (1994) [ISBN 0679761284](#)